

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN ABBAS**  
**KAWASAN : TELOK KEMANG**  
**TARIKH : 31.3.2014 (ISNIN)**  
**NO. SOALAN : 32**

**Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN ABBAS** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian bercadang menawarkan insentif untuk menarik pelabur pembuat alat, alat ganti, komponen kereta berikut dengan pelaksanaan Dasar Automotif Nasional (NAP) seertimana adanya insentif yang ditawarkan oleh negara-negara jiran supaya pembuat *Global Energy Efficient Vehicle* (EEV) bertapak di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Salah satu strategi utama yang digariskan oleh Kerajaan di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 adalah pembangunan rantaian pembekal komponen dan alat ganti. Ini selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi tahap kecekapan dan daya saing pengeluar komponen supaya dapat menyumbang ke arah peningkatan kualiti dan keselamatan kenderaan yang dikeluarkan serta menawarkan harga mampu milik kepada rakyat Malaysia.

Oleh yang demikian, NAP 2014 telah menyediakan insentif berikut bagi pembangunan rantaian pembekal komponen:

- (i) peruntukan berjumlah RM765 juta di bawah Skim Pinjaman Mudah bagi tempoh 2014 hingga 2020 kepada syarikat pengeluar *Tool, Dies and Mould* (TDM). Ini bagi membantu mengurangkan kos pembangunan model baharu yang tinggi kerana 40 peratus daripada keseluruhan kos tersebut merangkumi kos bagi aktiviti *tooling*; dan
- (ii) peruntukan berjumlah RM295 juta di bawah Skim Pinjaman Mudah bagi tempoh 2014 hingga 2020 untuk syarikat-syarikat pengeluar komponen dan alat ganti bagi meningkatkan daya saing dengan penambahbaikan proses melalui automasi, konsolidasi, usahasama, kerjasama teknikal dan lain-lain. Peruntukan ini adalah untuk membiayai aktiviti-aktiviti seperti keupayaan penyelidikan gunaan (aktiviti pra-pengkomersilan), reka bentuk dan pembuatan produk dan/atau *tooling*.

Di samping itu, satu pelan hala tuju bagi peningkatan daya saing rantaian bekalan komponen dan alat ganti automotif telah turut dibangunkan. Pelan ini akan membantu Kerajaan untuk mengambil usaha-usaha ke arah meningkatkan lagi daya saing rantaian pembekal komponen dan alat ganti dari segi kecekapan dan keberkesanan operasi secara berterusan. Pelan hala tuju ini, antara lain meliputi aspek-aspek seperti peningkatan sistem pengurusan kualiti, operasi, pengurusan perniagaan serta peningkatan keupayaan dari segi kapasiti ujian dan validasi.